

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP  
[SEKIJANG - BN ]**

**TARIKH : 19 MEI 2015 (SELASA)**

**SOALAN (NO. 27)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- (a) apakah perkembangan terkini program iTalent yang berperanan untuk menggilap bakat sukan dalam kalangan orang kelainan upaya yang sejak ia dimulakan pada tahun 2014; dan
- (b) berapakah jumlah atlet yang telah dilahirkan untuk mewakili negara

**JAWAPAN (A)**

Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, program INSPIRE iTalent adalah bertujuan untuk mencari bakat baru di peringkat akar umbi. Sasaran penyertaan program INSPIRE iTalent pada tahun 2015 adalah 3,630 orang peserta dan statistik penyertaan sehingga 30 April 2015 adalah seramai 1,564 peserta telah menyertai program iTalent di peringkat Daerah. Pelaksanaan program ini melibatkan jalinan kerjasama antara Kementerian Belia dan Sukan bersama Institut Sukan Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia.

**JAWAPAN (B)**

- b) Hasil daripada program INSPIRE iTalent, peserta berbakat akan menyertai program iTrain di peringkat negeri. Sehingga kini 3 orang peserta berbakat telah terpilih untuk menyertai latihan sebagai atlet yang berpotensi untuk mewakili Negara. Peserta tersebut dikenalpasti melalui acara ping pong, berbasikal dan bola keranjang kerusi roda. Bakat ini akan dilatih oleh jurulatih yang bertauliah daripada Majlis Sukan Negara.

Sekian, terima kasih.